

PENDIDIKAN

Masyarakat kini yakin kemampuan sekolah agama

Kehadiran sistem pendidikan yang pelbagai di Malaysia membuktikan bahawa negara ini sangat mementingkan bidang pendidikan. Namun, kemunculan sistem pendidikan aliran agama sekitar tahun 1970-an dilihat kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat pada peringkat awal.

Banyak pihak menganggap pelajar aliran agama tiada masa depan, tidak akan mendapat peluang untuk belajar di universiti atau tidak akan mendapat pekerjaan apabila tamat pengajian.

Malah, ramai juga dalam kalangan masyarakat menganggap SMKA (Sekolah Menengah Kebangsaan Agama) dan SABK (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan) adalah sekolah yang hanya mengutamakan subjek berkaitan agama serta bahasa Arab sahaja dan tidak mengambil berat subjek akademik.

Isu ini sebenarnya bukan baharu, malah mula dibahaskan sejak pendidikan ini menjadi sebahagian aliran dalam sistem pendidikan perdana. Masyarakat tidak yakin dengan kekuatan sekolah aliran agama dan menganggap pelajar aliran ini tidak akan mendapat peluang kerja banyak diperdebatkan, malah pandangan pelajar aliran ini hanya mampu bergelar ustaz atau ustazah dan mengajar di sekitar kampung harus disangkal.

Kenyataan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Dr Zulkiple Abdul Ghani, baru-baru ini bahawa menjadi kesilapan besar apabila



Kecemerlangan pelajar sekolah agama pada peperiksaan awam tahun 2014 mengubah persepsi masyarakat.
(FOTO GAMBAR HILASAN)

masyarakat menganggap pelajar aliran agama kurang berdaya saing dan tidak mampu bersaing setaraf dengan pelajar aliran sastera atau sains harus membuka mata semua pihak.

“**Kecemerlangan yang dibuktikan sekolah aliran agama membuka mata masyarakat untuk memilih sekolah aliran ini sebagai sekolah pilihan mereka**”

Aliran agama bukan kelas kedua

Pengiktirafan diberi kepada sekolah agama pada masa ini juga menunjukkan aliran ini bukan kelas kedua dan ramai mula memilih sekolah agama sebagai pilihan untuk anak mereka.

Masyarakat tidak lagi menghukum sekolah agama yang dahulunya kurang mendapat sambutan kerana dilihat bermasalah dalam sistem pentadbiran yang dianggap kurang sistematik dan teratur serta masalah prasarana. Kini masyarakat mula sedar, sekolah aliran agama juga memberi ruang kepada pelajar untuk mencapai kejayaan.

Perkara ini dapat dilihat berikutan kejayaan tujuh daripada 18 SMKA dan SABK di Negeri Sembilan berada dalam kelompok 20

sekolah terbaik di negeri berkenaan dalam peperiksaan awam tahun lalu, berbanding lima sekolah pada tahun 2013.

Kecemerlangan yang dibuktikan sekolah aliran agama ini membuka mata masyarakat untuk memilih sekolah aliran ini sebagai sekolah pilihan mereka.

SMKA Sheikh Haji Mohd Said (SHAMS) yang muncul sebagai sekolah terbaik di negara ini bagi keputusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun lalu membuktikan bahawa pelajar yang bersekolah di sekolah aliran agama juga mempunyai peluang untuk berjaya.

Pada masa sama, usaha Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) harus dipuji kerana memperuntukkan sebanyak RM30.3 juta bagi menaik taraf

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

sekolah agama di sekitar ibu negara dan Putrajaya. Peruntukan itu meliputi elau guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), infrastruktur sekolah, bantuan yuran murid, latihan guru serta program dan aktiviti murid.

Langkah proaktif naik taraf sekolah agama

Usaha ini dilihat satu langkah yang proaktif dalam menaik taraf sistem pendidikan aliran agama yang sedia ada.

Selain itu, kerajaan juga menaik taraf Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan memperkasakan lagi kurikulum sekolah agama. Usaha ini dilihat dapat membantu dalam meningkatkan sistem pendidikan sekolah agama di Malaysia supaya mampu berdiri sebaris dengan sistem pendidikan di negara lain.

Kesimpulannya, pendidikan aliran agama di negara ini perlu diperkasa supaya kita dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi Naqli (bukti berlandaskan al-Quran dan al-Hadis) dan Aqli (bukti berasal dari akal).

Nor Zafirah Idris,
Universiti Sains Islam Malaysia